



قجابه فثاره تانه دان نالين، ترنگانو.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU,  
TINGKAT 11, WISMA DARUL IMAN,  
20200 KUALA TERENGGANU,  
TERENGGANU.

37

Telefon: 09-631957 samb. 2308  
Fax : 09-634278

PTG.TR. G/05/1988/06/02 - (37)

Bertarikh: 23 Januari 1994

Bersamaan: 11 Syaaban 1414

Pentadbir Tanah, Kuala Terengganu.  
Pentadbir Tanah, Besut.  
Pentadbir Tanah, Dungun.  
Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.  
Pentadbir Tanah, Kemaman.  
Pentadbir Tanah, Marang.  
Pentadbir Tanah, Setiu.

Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 2/1994.  
Harga Tanah Di Bawah Dasar Tanah Haram.

Merujuk kepada surat Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan sebagaimana SUK.TR. 1130/14/26 - (61) bertarikh 22 Januari 1994 bersamaan 10 Syaaban 1414 berkait perkara di atas, pandangan Jawatankuasa Pemilih Tanah Daerah mengenai harga tanah yang hendak dikenakan bolehlah dimasukkan di dalam kertas kerja yang dikemukakan bagi pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

2. Sungguhpun begitu dalam membuat pengesyoran harga tanah hendaklah berasaskan kepada keputusan Jawatankuasa Tanah, Galian dan Perhutanan Negeri sebagaimana digariskan di bawah Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 7/1993 yang mana mengandungi:-

Premium

- i) Premium tanah ditetapkan pada kadar sekurang-kurangnya 20% dari nilai pasaran.
- ii) Bagi tanah-tanah yang hendak dilelong dikenakan sekali ganda daripada premium biasa.
- iii) Sekiranya tanah yang direntah secara haram itu hendak ditimbangkan kepada orang selain daripada peneroka asal haraga tanah hendaklah ditambah 50% lagi daripada premium tanah tersebut.

Dihantar pada .....24 JAN 1994.....

Tandatangan .....  
Kerani Kaunter/Despatch  
Pejabat Pengarah Tanah  
& Galian Trg.

..2/-

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab.


Premium Tambahan

Premium tambahan menggantikan hasil tahunan dengan dikenakan 10% daripada harga premium tanah x tempoh direntah, (dikira 0.1 bagi setiap tahun).

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NIK MOHD KHALID BIN KAMIL)  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Terengganu.

DNMK/amy  
arah294/dis3